

# Naib Canselor hadiri empat program di UMS-KAL

UB 01-08-2012 B2

**LABUAN:** Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof Dr Mohd Harun Abdullah telah menghadiri empat program sempena lawatan kerja ke UMS Kampus Antarabangsa Labuan (UMS-KAL), baru-baru ini.

Lawatan kerja itu merupakan tugas rasmi beliau di UMS-KAL selepas dilantik sebagai Naib Canselor pada 18 Jun 2012.

Beliau yang akan menjawat jawatan itu sehingga 17 Jun 2015 menghadiri taklimat pembangunan bersama pegawai kanan UMS-KAL, mempengerusikan Mesyuarat Pagi UMS kali ke-155, perjumpaan dengan



(Gambar atas) Harun (tiga kanan) menerima cenderamata daripada Ag Asri (dua kiri).



(Gambar kiri) Pegawai kanan UMS yang menghadiri Mesyuarat Pagi UMS kali ke-155.


kakitangan dan majlis terbuka puasa bersama kakitangan UMS-KAL.

Turut bersama beliau ialah Timbalan-Timbalan Naib Canselor, Prof Dr Shariff Abdul Kadir

Omang (Akademik dan Antarabangsa) dan Prof Dr Shahril Yusof (Penyelidikan dan Inovasi), Pendaftar UMS, Datuk Abdullah Mohd Said, Bendahari, Rizal Othman dan Ketua Pustakawan, Dg

Rukiah Amit.

Hadir sama Pemangku Pengarah UMS-KAL, Dr Ag Asri Ag Ibrahim dan Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah.



SHARIFF (empat kanan) bersama kakitangan yang menghadiri majlis terbuka puasa di Hotel Grand Dorsett.

Harun turut melawat projek pembangunan di kolej kediaman pelajar, kafeteria, kemudahan sukan dan laluan berbumbung serta melihat projek pembangunan Dewan Kuliah Pusat dan meninjau pemandangan menarik dari Tingkat 13 Bangunan Menara UMS-KAL.

Beliau berharap semua projek itu dapat disiapkan mengikut jadual dengan pemantauan oleh pihak pengurusan universiti terutama Jabatan Pembangunan dan Penyelenggaraan (JPP).

Ketika mengadakan perjumpaan dan dialog bersama kakitangan dan pensyarah, Naib Canselor mengingatkan kakitangan UMS adalah aset penting

kepada universiti.

Oleh itu, beliau mahu semua kakitangan terus bekerja keras dan bertanggungjawab terhadap tugas yang telah diamanahkan untuk kepentingan universiti amnya dan pelanggan utama UMS iaitu pelajar yang semakin bertambah dari tahun ke tahun termasuk pelajar antarabangsa.

Katanya, kakitangan perlu meletakkan kepentingan universiti terlebih dahulu daripada kepentingan peribadi agar hasrat merealisasikan misi dan visi UMS akan tercapai.

“Semua kakitangan adalah penting dan menjadi aset utama kepada UMS. Jalankanlah tugas dengan penuh ikhlas

untuk meningkatkan martabat universiti ke arah kecemerlangan,” katanya.

Harun juga mahu semua kejayaan yang diperolehi kakitangan dan pelajar di peringkat kebangsaan dan antarabangsa dimasukkan ke dalam laman web UMS untuk tatapan semua warga universiti.


Pada majlis dialog itu, pensyarah dan kakitangan mengajukan soalan untuk dijawab oleh pegawai utama UMS termasuk Naib Canselor, Timbalannya dan Pendaftar.

Naib Canselor berkata, semua isu yang dibangkitkan akan diteliti oleh pengurusan tertinggi universiti mengikut keutamaan dan peraturan sedia ada termasuk melalui



(Gambar kanan) Pensyarah PPIB, Hazmi Dahlan mengajukan soalan pada majlis perjumpaan dengan Naib Canselor UMS.

(Gambar bawah) ABDULLAH (tiga kiri) turut meninjau projek pembangunan dan pemandangan menarik dari Tingkat 13.



dekan sekolah dan ketua jabatan masing-masing.

Sementara itu, Abdullah yakin semua masalah yang dihadapi kakitangan akan dapat ditangani dan diselesaikan dengan baik sekiranya mereka menjalankan tugas mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Katanya, sekiranya kakitangan mahu mengadakan perjumpaan dengan beliau, mereka perlu menyatakan sekali cadangan bagaimana untuk mengatasi masalah yang dihadapi itu.

“Jangan datang kepada saya dengan masalah tetapi bawa sekali cadangan untuk menangani dan mengatasi masalah itu,” katanya.